



Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia

Standard Kurikulum Pengajian Perniagaan

**Disusun oleh Jabatan Kurikulum Jawatankuasa Kerja
Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia
(Mar 2012)**

Kandungan

I Pendahuluan	1
(i) Ciri-ciri Kurikulum	1
(ii) Idea-idea Reka Bentuk Kurikulum	2
II Objektif Kurikulum	3
III Kandungan Kurikulum	5
IV Cadangan Pelaksanaan	13
(i) Cadangan Pengajaran	13
(ii) Cadangan Penilaian	16
(iii) Cadangan Pembangunan dan Penggunaan Sumber Kurikulum	17

I. Pendahuluan

Kehidupan seharian manusia seperti bekerja, perbelanjaan harian, amalan menabung dan pelaburan berhubung kait rapat dengan aktiviti perdagangan. Pemahaman pelajar sekolah menengah terhadap persekitaran perdagangan adalah secara langsung, di mana persekitaran perdagangan merujuk kepada perniagaan, perbankan, sektor insurans, pergudangan, pengangkutan, pengiklanan, komunikasi, organisasi perniagaan dan pengurusan. Ini membantu pelajar menerokai hubungan antara perdagangan, perancangan kerjaya peribadi dan pembangunan ekonomi negara.

Pendidikan perdagangan di Sekolah Menengah Persendirian Cina(SMPC) menyediakan satu platform bagi membantu pelajar yang berminat terhadap perniagaan untuk menguasai keupayaan bernesiga. Selain itu, pendidikan perdagangan menggalakkan perkembangan pelajar secara menyeluruh, mencungkil minat kerjaya peribadi pelajar dan menghasilkan sumber manusia dalam bidang perdagangan untuk memenuhi permintaan pembangunan sosial dan ekonomi negara.

(i) Ciri-ciri Kurikulum

Pengajian Perniagaan merupakan satu subjek sains sosial bagi pendidikan perdagangan di SMPC. Program ini meliputi kandungan asas perniagaan yang lengkap dan menyeluruh, mahupun dari segi teori dan amali. Melalui pengajian perniagaan, pelajar dapat menguasai pengetahuan asas, kemahiran perniagaan dan pengurusan serta memahami etika perniagaan.

Kandungan kurikulum Pengajian Perniagaan memberi tumpuan terhadap perkembangan pelajar secara menyeluruh, menggalakkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpelbagai, pembelajaran dan penilaian yang membantu perkembangan kecerdasan pelajar. Guru-guru akan membantu pelajar untuk mengenali kehidupan dalam masyarakat komersial melalui pengajaran. Di samping itu, guru juga akan membimbing pelajar mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti perniagaan di kehidupan seharian. Selain dapat meningkatkan tahap pengetahuan pelajar tentang perniagaan, ia juga dapat memupuk kemahiran asas perniagaan pelajar, keupayaan kerjasama dan keupayaan komunikasi interpersonal yang bakal digunakan dalam bidang perniagaan.

Peranan Pengajian Perniagaan terhadap pelajar adalah seperti berikut:

1. Penguasaan dan penggunaan pengetahuan asas dalam perniagaan dan pengurusan

Pengetahuan dan keupayaan perniagaan yang diperolehi oleh pelajar di sekolah menengah bukan sahaja membantu mereka menerokai minat peribadi dan rancangan kerjaya masa depan, malahan juga dapat membantu mereka memahami bahawa aktiviti perdagangan memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi bagi sesbuah negara. Justeru itu, mereka dapat hidup dengan yakin dan gembira dalam masyarakat komersial. Di samping itu, pengumpulan pengetahuan dan keupayaan perdagangan pelajar juga

boleh digunakan secara meluas dalam persekitaran pembelajaran yang berbeza. Kesemua ilmu yang dipelajari akan dijadikan sebagai asas pembelajaran sepanjang hayat.

2. Menguasai kemahiran asas untuk bekerja di perusahaan

Buku Teks Pengajian Perniagaan mementingkan pelbagai aspek, di mana ia merangkumi aktiviti “hands-on”, aktiviti sumbang saran, sesi soal-jawab, kajian kes dan pembelajaran berasaskan projek(PBP). Ini dapat membantu pelajar mengaplikasikan pengetahuan perniagaan dalam penyelesaian masalah, meningkatkan pemikiran berdikari, keupayaan menganalisis, komunikasi dan kerja berkumpulan. Dengan itu, ia dapat menjamin pelajar berkeupayaan untuk bekerja dan menyara kehidupan individu dalam masyarakat komersial.

3. Menyemai konsep etika perniagaan pelajar

Penerapan nilai murni dan pembentukan etika pekerjaan adalah sangat penting dalam kerjaya dan kehidupan yang berjaya. Oleh itu, kurikulum pengajian perniagaan mengandungi satu bab yang dikenali sebagai “etika korporat”. Selain itu, bab-bab lain dan kes perniagaan juga memainkan peranan penting dalam pembentukan etika perniagaan pelajar, ini dapat membentuk modal insan yang berkualiti dalam masyarakat.

4. Memantapkan asas pelajar untuk melanjutkan pelajaran

Penguasaan ilmu dan kemahiran perniagaan di sekolah menengah dapat mencungkil sikap ingin tahu pelajar terhadap dunia perniagaan. Ini dapat meningkatkan minat pelajar dalam perniagaan, bagi sesiapa yang berminat memilih kursus perniagaan untuk terus melanjutkan pelajaran.

5. Membantu pelajar membuat persediaan untuk menceburi bidang pekerjaan

Menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kefahaman mengenai aktiviti perniagaan domestik dan antarabangsa, membantu mereka merancang masa depan dengan melibatkan diri dalam kerja-kerja yang berminat supaya dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran pekerjaan.

(ii) Idea-idea Reka Bentuk Kurikulum

Berdasarkan ciri-ciri kurikulum, reka bentuk kurikulum Pengajian Perniagaan adalah seperti berikut:

1. Untuk semua pelajar dan perkembangan pelajar secara menyeluruh

Pelajar merupakan tunjang utama dalam proses pembelajaran. Kurikulum ini direka berdasarkan pengetahuan mata pelajaran, keperluan sosial dan perkembangan pelajar. Selain itu, kurikulum ini juga direkai bagi memastikan pelajar mengetahui kaedah pembelajaran, belajar untuk melakukan sesuatu perkara, belajar untuk hidup bersama-sama dan belajar untuk terus hidup. Kursus memberi tumpuan kepada asas pembelajaran dan aplikasi perniagaan serta pengurusan tentang pengetahuan, kemahiran dan afektif. Kesemua ini bukan sahaja dapat membantu pelajar terus melanjutkan pelajaran atau

mendapat pekerjaan, malahan boleh memenuhi keperluan pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat dan menggalakkan perkembangan secara keseluruhan.

2. Kandungan kurikulum yang berkait rapat dengan kehidupan seharian

Kehidupan seharian manusia penuh dengan aktiviti perniagaan. Kandungan kursus yang dipilih dapat berkait dengan perkembangan fizikal dan mental pelajar sekolah menengah dan pengalaman kehidupan mereka. Di samping itu, kandungan juga mencerminkan trend pembangunan aktiviti perniagaan domestik dan global bagi pelajar mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian dan membina kebolehan dan keyakinan serta hidup berbahagia untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat komersial.

3. Kurikulum berbasis kompetensi

Buku teks direkai dari segi urutan, seperti dari mudah ke sukar, dari yang sederhana ke kompleks, dari konkret ke abstrak, dan penggunaan ilustrasi. Usaha ini adalah untuk meningkatkan kandungan yang menarik, praktikal dan memberi inspirasi. Tambahan pula, buku teks juga mengandungi aktiviti memanaskan badan untuk meningkatkan motivasi belajar dan aktiviti lain yang menggalakkan hasil pembelajaran seperti aktiviti sumbang saran, aktiviti “hand-on”, maklumat tambahan, kes komersial, sudut ulangkaji, latihan dan pembelajaran berdasarkan projek. Melalui latihan ini, pelajar dapat menguasai pembelajaran kemahiran generik seperti pemikiran berdikari, meneroka, menganalisis, menilai, bertanya soalan, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, komunikasi dan kerja berkumpulan. Ini berguna untuk pelajar dalam aspek melanjutkan pelajaran atau bekerja pada masa depan.

4. Mengukuhkan hubungan horizontal dan vertikal

Memberi tumpuan kepada hubungan horizontal Pengajian Perniagaan dengan mata pelajaran perdagangan yang lain seperti Ekonomi, Prinsip Perakaunan dan lain-lain. Buku teks ini juga mementingkan hubungan horizontal antara bab dan hubungan vertikal antara bahagian dalam setiap bab. Ini membolehkan pelajar memperolehi pengetahuan dan keupayaan integrasi.

II. Objektif Kurikulum

Berdasarkan ciri-ciri kurikulum Pengajian Perniagaan, objektif kurikulum mengandungi elemen-elemen berikut:

1. Kognitif, termasuk kemahiran berfikir yang mengandungi elemen kefahaman, aplikasi dan sebagainya;
2. Kemahiran, termasuk tingkah laku, tabiat dan keupayaan berkomunikasi;
3. Afektif, termasuk sikap, nilai dan etika perniagaan;

Kognitif, kemahiran dan afektif adalah tiga elemen yang saling melengkapi serta integrasi. Pelajar dapat memupuk kebolehan kognitif, latihan kemahiran, menguasai kaedah bekerja, berdedikasi, etika perniagaan dan kemajuan rohani dalam proses

pembelajaran pengetahuan perniagaan dan pengurusan. Dalam proses pembelajaran ini, pelajar dapat menerokai minat dan aspirasi kerjaya supaya memperkuatkkan asas untuk melanjutkan pelajaran, mencari pekerjaan dan pembelajaran sepanjang hayat pada masa depan.

Dengan menggunakan kandungan buku teks, pembelajaran berasaskan projek, kes komersial dan aktiviti reka bentuk yang lain, guru-guru mengabung jalinkan ketiga-tiga elemen iaitu kognitif, kemahiran dan afektif supaya mencapai matlamat pendidikan yang seimbang, iaitu menggalakkan perkembangan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepada. Ini dapat melahirkan tenaga sumber manusia dalam bidang perdagangan dan memenuhi keperluan pembangunan sosial.

Matlamat kurikulum Pengajian Perniagaan membolehkan pelajar:

1	Mengenali aktiviti perdagangan global dan persekitaran perdagangan, memahami kesan perubahan persekitaran perdagangan dan pembangunan teknologi maklumat terhadap aktiviti perdagangan.
2	Menguasai pengetahuan asas dan kemahiran perniagaan dan pengurusan yang diperlukan oleh pihak fakulti perniagaan universiti.
3	Mempelajari kaedah perniagaan, mengaplikasikan pengetahuan perniagaan, dan menguasai kemahiran bekerja.
4	Berkomunikasi, bersemangat dan kemahiran berpasukan dengan orang lain semasa bekerja.
5	Memahami trend pasaran, merangsang semangat keberanian dan inovasi perusahaan.
6	Berkemahiran berfikir secara berdikari, menganalisis, mengkritis, teknik menanya soalan, penyelesaian masalah dan berkeupayaan untuk mencipta nilai.
7	Memahami kepentingan etika perniagaan, mempunyai kesedaran untuk melindungi alam sekitar dan menyayangi masyarakat.


III. Kandungan Kurikulum

Penghasilan buku teks Pengajian Perniagaan adalah merujuk sukanan pelajaran perniagaan Kementerian Pendidikan Malaysia, Hong Kong dan Taiwan serta peperiksaan Cambridge. Kandungan buku teks adalah direka dari perspektif menjalankan perdagangan atau usahawan berdasarkan konsep perdagangan. Buku teks ini menekankan kombinasi teori dan praktikal, bahan pembelajaran disusun secara praktikal, menarik minat pelajar, langkah demi langkah dan gambar dengan teks.

Buku ini bertujuan untuk membolehkan pelajar mempelajari pengetahuan asas perniagaan dan pengurusan. Di samping itu, pelajar juga boleh menguasai kemahiran belajar, meneroka minat kerjaya dan mewujudkan etika perniagaan yang betul. Kesemua ini dapat menggalakkan perkembangan para pelajar secara menyeluruh dan seimbang. Ini bukan sahaja memperkukuhkan asas pelajar untuk melanjutkan pelajaran, mendapat pekerjaan dan memenuhi pembelajaran sepanjang hayat, malahan ia boleh menyediakan sumber manusia dalam bidang perdagangan untuk negara supaya dapat memenuhi permintaan pembangunan sosial.

Bagi membantu pelajar untuk menguasai keseluruhan ilmu yang diajar, satu reka bentuk telah dicipta dalam buku teks iaitu sudut ulangkaji, salah satu fungsinya adalah menjelaskan hubungan antara sub-topik dengan sub-topik dalam bab yang sama. Selain itu, “Gambar Rajah Berhubung Kait Antara Tajuk” untuk mencerminkan hubungan mendatar setiap bab.

Gambar Rajah Berhubung Kait Antara Tajuk



Kandungan	Objektif Pembelajaran
Buku 1	
1. Pengenalan terhadap Perdagangan	<ul style="list-style-type: none"> 1.1 Konsep perdagangan 1.2 Cabang perdagangan 1.3 Kepentingan perdagangan 1.4 Persekutaran perdagangan 1.5 Trend pembangunan perdagangan <ul style="list-style-type: none"> •Menjelaskan masalah sistem barter. •Menjelaskan definisi perdagangan dan keuntungan. •Menjelaskan dengan contoh produk nyata dan produk tidak nyata. •Menjelaskan cabang perdagangan. •Membandingkan antara perniagaan dan bantuan perniagaan melalui contoh. •Menghuraikan kepentingan perdagangan kepada individu, negara dan dunia. •Menghuraikan faktor penilaian dalam persekitaran perdagangan. •Menghuraikan trend pembangunan perdagangan.
2. Pengeluaran	
2.1 Gambaran keseluruhan terhadap sektor pertanian, perindustrian dan perdagangan di Malaysia 2.2 Konsep pengeluaran 2.3 Jenis pengeluaran 2.4 Model operasi pengeluaran 2.5 Pengkhususan Pembelajaran Berasaskan Projek	<ul style="list-style-type: none"> •Mengenal pasti evolusi sektor pertanian, perindustrian dan perdagangan di Malaysia. •Menjelaskan definisi pengeluaran. •Menjelaskan dengan contoh utility atau nilai faedah diciptakan atau ditambahkan dalam proses pengeluaran. •Membandingkan pengeluaran primer, pengeluaran sekunder dan pengeluaran tertier melalui contoh. •Menjelaskan Model Operasi Pengeluaran. •Menghuraikan kepentingan faktor pengeluaran kepada perusahaan melalui contoh. •Menjelaskan kebaikan dan keburukan Pengkhususan. •Menjelaskan jenis pengkhususan melalui contoh.
3. Saluran Agihan ---- Perniagaan Borong	
3.1 Saluran agihan 3.2 Faktor yang mempengaruhi pilihan saluran agihan 3.3 Perniagaan borong 3.4 Fungsi pemborong	<ul style="list-style-type: none"> •Menjelaskan maksud saluran dan saluran agihan. •Menjelaskan kelebihan dan kekurangan jualan secara langsung kepada pengguna. •Menjelaskan kekuatan dan kelemahan jualan

3.5 Trend pembangunan perniagaan borong	<ul style="list-style-type: none"> melalui orang tengah. Menghuraikan dengan memberi contoh tentang peranan yang dimainkan oleh orang tengah yang berbeza. Menerangkan faktor yang mempengaruhi pilihan saluran agihan. Menjelaskan konsep perniagaan borong. Menerangkan fungsi pemborong. Menjelaskan trend pembangunan perniagaan borong.
4. Saluran Agihan -----Perniagaan Runcit	
4.1 Konsep perniaggan runcit 4.2 Fungsi peruncit 4.3 Jenis peruncit 4.4 Kelebihan daya saing perniagaan runcit	<ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan fungsi peruncit. Memahami ciri operasi pelbagai jenis peruncit. Menerangkan cara peruncit meningkatkan nilai tambahan pada produk. Menjelaskan ciri perniagaan kedai sejaras. Menjelaskan kedai sejaras dikawal oleh pihak ibu pejabat dan perniagaan francais. Menghuraikan kebaikan dan keburukan peruncitan internet.
5. Dokumen Perniagaan Dalam Negeri	
5.1 Definisi dan jenis dokumen perniagaan 5.2 Kepentingan dokumen perniagaan 5.3 Kegunaan dokumen perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan kepentingan dokumen perniagaan. Menulis pembeli dan penjual dalam pelbagai dokumen perniagaan. Menjelaskan kegunaan pelbagai dokumen perniagaan. Menguasai penggunaan dokumen perniagaan.
6. Cara Pembayaran Dalam Negeri	
6.1 Konsep pembayaran 6.2 Bayaran tunai 6.3 Bayaran bil 6.4 Bayaran elektronik 6.5 Pembayaran melalui pos	<ul style="list-style-type: none"> Mengetahui bayaran segera, prabayar dan bayaran tertunda Membandingkan persamaan dan perbezaan antara pembelian kredit dengan sewa beli. Menjelaskan wang tanda dan wang sah. Memahami penggunaan dan pengeluaran cek. Menyenaraikan sebab pihak bank tidak menerima cek. Memahami bayaran bil, bayaran elektronik dan bayaran pos. Memilih pembayaran yang sesuai.

7.Pergudangan	
7.1 Fungsi pergudangan 7.2 Jenis pergudangan 7.3 Kepentingan gudang berbon 7.4 Konsep pengurusan inventori	<ul style="list-style-type: none"> •Menerangkan fungsi gudang terhadap peniaga. •Menyenaraikan ciri-ciri gudang yang berbeza. •Membandingkan gudang berbon dengan gudang am. •Menerangkan kepentingan gudang berbon terhadap kerajaan dan peniaga. •Menjelaskan pengurusan inventori dan sistem tepat pada masa.
8.Pengangkutan	
8.1 Kepentingan pengangkutan 8.2 Jenis pengangkutan 8.3 Peranan perkhidmatan kurier dalam pengangkutan 8.4 Pengangkutan kontena 8.5 Faktor-faktor mempengaruhi pilihan cara pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> •Menjelaskan kepentingan pengangkutan. •Menjelaskan ciri-ciri pelbagai cara pengangkutan. •Memahami peranan perkhidmatan kurier dalam pengangkutan. •Memahami konsep pengangkutan kontena. •Menerangkan faktor yang mempengaruhi pilihan jenis pengangkutan. •Memilih jenis pengangkutan yang sesuai.
9.Komunikasi	
9.1Kepentingan komunikasi 9.2Perkhidmatan media massa 9.3Peranan perkhidmatan kurier dalam komunikasi 9.4Perkhidmatan pos 9.5Perkhidmatan telekomunikasi 9.6Faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan perkhidmatan komunikasi Pembelajaran Berasaskan Projek	<ul style="list-style-type: none"> •Menerangkan kepentingan komunikasi terhadap aktiviti perniagaan. •Memahami ciri setiap jenis perkhidmatan komunikasi. •Memilih perkhidmatan komunikasi yang sesuai supaya sepadan dengan situasi perniagaan. •Menerangkan faktor yang perlu dipertimbangkan semasa memilih perkhidmatan komunikasi.
Buku 2	
1.Pengiklanan	
1.1Definisi pengiklanan 1.2Kepentingan pengiklanan 1.3Jenis pengiklanan 1.4Media pengiklanan 1.5Faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan media pengiklanan	<ul style="list-style-type: none"> •Memahami definisi pengiklanan. •Menganalisis kepentingan pengiklanan untuk peniaga dan pengguna. •Membezakan pelbagai jenis pengiklanan. •Memilih media pengiklanan yang sesuai. •Memahami faktor-faktor yang mempengaruhi peniaga memilih media pengiklanan. •Menilai pilihan peniaga terhadap media

	pengiklanan.
2.Insurans	
2.1 Konsep insurans 2.2 Kepentingan insurans 2.3 Kontrak insurans 2.4 Prinsip insurans 2.5 Jenis Insurans 2.6 Pertubuhan Keselamatan Sosial 2.7 Tuntutan insurans Pembelajaran Berasaskan Projek	<ul style="list-style-type: none"> •Memahami definisi risiko, insurans, perkongsian risiko. •Memahami risiko boleh diinsuranskan. •Memahami kepentingan insurans kepada individu, perusahaan dan pembangunan ekonomi negara. •Membezakan pelbagai pihak berkepentingan dalam kontrak insurans. •Membezakan prinsip insurans. •Membezakan insurans hayat dan insurans am. •Memahami kepentingan Pertubuhan Keselamatan Sosial. •Memahami prosedur asas terhadap tuntutan insurans.
3.Perbankan dan Kewangan	
3.1 Sistem kewangan Malaysia 3.2 Bank Pusat 3.3 Bank perdagangan 3.4 Bank pelaburan 3.5 Institusi kewangan bukan bank	<ul style="list-style-type: none"> •Mempunyai pemahaman asas terhadap sistem kewangan Malaysia. •Memahami peranan Bank Negara Malaysia. •Membezakan perkhidmatan kewangan. •Memahami kepentingan bank perdagangan dan bank pelaburan terhadap perusahaan. •Memahami peranan institusi kewangan pembangunan. •Memahami tujuan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. •Memahami ciri unit amanah.
4.Pemilikan Perniagaan	
4.1 Jenis pemilikan perniagaan 4.2 Milikan tunggal 4.3 Perkongsian dan perkongsian liabiliti terhad(PLT) 4.4 Syarikat berhad 4.5 Syarikat multinasional 4.6 Syarikat induk 4.7 Persatuan perdagangan 4.8 Perbadanan awam 4.9 Penswastaan	<ul style="list-style-type: none"> •Memahami jenis pemilikan perniagaan. •Memahami penggunaan pemilikan perniagaan terhadap keuntungan. •Membezakan ciri, kebaikan dan keburukan antara pelbagai syarikat swasta. •Memahami penubuhan syarikat sendirian berhad. •Memahami sokongan daripada persatuan perdagangan terhadap sektor swasta. •Memahami ciri, kebaikan dan keburukan perbadanan awam. •Memahami tujuan, kebaikan dan keburukan

	penswastaan.
5.Industri kecil dan sederhana	
5.1Konsep Industri kecil dan sederhana 5.2Kepentingan industri kecil dan sederhana 5.3Cara penubuhan industri kecil dan sederhana 5.4Cabaran yang dihadapi oleh industri kecil dan sederhana 5.5Trend perniagaan industri kecil dan sederhana	<ul style="list-style-type: none"> Menulis definisi dan jenis industri kecil dan sederhana. Memahami ciri industri kecil dan sederhana. Memahami kepentingan industri kecil dan sederhana. Memahami cara penubuhan industri kecil dan sederhana Menganalisis pertumbuhan keusahawanan dengan menggunakan faktor keusahawanan. Menganalisis cabaran yang dihadapi oleh industri kecil dan sederhana dalam kitaran hayat perniagaan. Memahami trend perniagaan industri kecil dan sederhana.
6.Pengurusan Sumber Manusia	
6.1Konsep pengurusan sumber manusia. 6.2 Perancangan sumber manusia 6.3 Pengambilan dan pemilihan 6.4 Latihan dan pembangunan 6.5 Gaji dan faedah 6.6 Penilaian prestasi 6.7 Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan 6.8 Perhubungan industri Pembelajaran Berasaskan Projek	<ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan definisi pengurusan sumber manusia. Memahami perancangan sumber manusia. Membezakan pengambilan dan pemilihan. Merangka <i>resume</i>. Memahami kepentingan latihan dan pembangunan kakitangan terhadap perusahaan. Menilai kepentingan gaji dan faedah untuk mengekalkan atau menarik bakat. Menilai peranan penilaian prestasi dan ganjaran terhadap pekerja. Memahami kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan terhadap perusahaan dan kakitangan. Memahami pengaruh perhubungan industri terhadap perusahaan dan pekerja.
7.Pengurusan pemasaran	
7.1 Konsep pemasaran 7.2 Gelagat pengguna 7.3 Sasaran pemasaran 7.4 Campuran pemasaran 7.5 Pemasaran internet	<ul style="list-style-type: none"> Memahami asal-usul konsep pemasaran. Memahami kepentingan pengurusan pemasaran terhadap perusahaan. Membezakan faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat pengguna. Membezakan antara segmentasi pasaran,

	<ul style="list-style-type: none"> sasaran pasaran dan kedudukan pasaran. •Memahami campuran pemasaran. •Memahami hubungan antara kitaran hayat produk dengan aktiviti pemasaran. •Menggunakan pengetahuan pemasaran untuk mencadangkan strategi pemasaran. •Memahami konsep pemasaran internet.
8.Pengurusan Kewangan	
8.1 Konsep pengurusan kewangan 8.2 Tanggungjawab pengurus kewangan 8.3 Penyata kewangan 8.4 Nisbah kewangan 8.5 Analisis titik pulang modal(TPM) Pembelajaran Berasaskan Projek	<ul style="list-style-type: none"> •Memahami konsep pengurusan kewangan terhadap perusahaan. •Memahami kepentingan pengurusan kewangan perusahaan. •Memahami tanggungjawab pengurus kewangan. •Mengira nisbah keberuntungan, nisbah kecairan, nibah kecekapan •Menilai kedudukan kewangan dan operasi sesebuah syarikat dengan menggunakan penyata kewangan dan nisbah kewangan. •Melaksanakan analisis titik pulang modal dengan menggunakan kos dan untung.
Buku 3	
1.Pasaran Kewangan	
1.1 Konsep pasaran kewangan 1.2 Saham 1.3 Bon korporat 1.4 Waran 1.5 Pasaran saham 1.6 Indeks saham 1.7 Niaga hadapan (<i>Futures</i>)	<ul style="list-style-type: none"> •Menulis definisi dan jenis pasaran kewangan. •Memahami pelbagai pasaran kewangan. •Memahami pertukaran wang asing dan kadar pertukaran asing. •Membezakan saham keutamaan dengan saham biasa. •Menganalisis faktor asas yang mempengaruhi harga saham syarikat. •Memahami kebaikan dan keburukan melabur dalam saham. •Membezakan antara saham, bon dan waran. •Memahami peranan pasaran saham, bursa saham dan syarikat broker saham •Memahami definisi dan fungsi indeks saham. •Membezakan pasaran <i>bullish</i> dengan <i>bearish</i>. •Menjelaskan niaga hadapan •Membezakan transaksi pasaran niaga hadapan dengan transaksi <i>spot</i>.

2.Perniagaan Antarabangsa	
2.1Konsep perniagaan antarabangsa 2.2Kepentingan perniagaan antarabangsa 2.3Ciri perniagaan antarabangsa 2.4Dasar perniagaan antarabangsa 2.5Istilah perniagaan antarabangsa 2.6Dokumen perniagaan antarabangsa 2.7Cara pembayaran perniagaan antarabangsa 2.8Prosedur transaksi perniagaan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> •Memahami definisi dan jenis perniagaan antarabangsa. •Menganalisis kepentingan perniagaan antarabangsa. •Memahami ciri perniagaan antarabangsa. •Membezakan dasar perniagaan antarabangsa yang berbeza. •Memahami istilah perniagaan antarabangsa. •Membezakan dokumen perniagaan antarabangsa. •Memahami cara pembayaran perniagaan antarabangsa. •Memahami prosedur transaksi perniagaan antarabangsa.
3.Percukaian	
3.1 Belanjawan kewangan negara 3.2 Cukai langsung 3.3 Cukai tidak langsung	<ul style="list-style-type: none"> •Memahami peranan belanjawan kewangan negara. •Memahami sumber pembiayaan dan peruntukan dana dalam belanjawan negara. •Memahami hubungan antara lebihan dan defisit belanjawan dengan pembangunan ekonomi negara. •Memahami cukai langsung dan cukai pendapatan. •Mengira cukai pendapatan peribadi. •Membezakan jenis dan ciri-ciri cukai tidak langsung.
4.Pengurusan Kewangan Peribadi	
4.1Konsep kewangan peribadi 4.2Prinsip asas kewangan peribadi 4.3Langkah perancangan kewangan peribadi 4.4Persediaan belanjawan kewangan peribadi 4.5Nilai masa wang 4.6Risiko dan pulangan	<ul style="list-style-type: none"> •Memahami konsep pengurusan kewangan peribadi. •Memahami prinsip asas mengenai pengurusan kewangan peribadi. •Memahami langkah perancangan untuk pengurusan kewangan peribadi. •Memahami kepentingan persediaan belanjawan kewangan peribadi. •Menyedia belanjawan kewangan peribadi. •Memahami faedah mudah, faedah kompaun dan nilai masa wang. •Mengira nilai masa depan dan nilai sekarang untuk keputusan pelaburan kewangan.

	<ul style="list-style-type: none"> • Memahami hubungan antara risiko dan pulangan. 		
5.Etika Korporat	<table border="1"> <tr> <td> 5.1Konsep etika korporat 5.2Tanggungjawab sosial korporat 5.3Tanggungjawab alam sekitar korporat Pembelajaran Berasaskan Projek </td><td> <ul style="list-style-type: none"> • Memahami konsep etika korporat. • Menjelaskan tanggungjawab sosial korporat. • Menilai tanggungjawab korporat terhadap pihak berkepentingan. • Menilai hak dan tanggungjawab pengguna. • Memahami unit sokongan pengguna. • Menilai tanggungjawab korporat kepada alam sekitar. </td></tr> </table>	5.1Konsep etika korporat 5.2Tanggungjawab sosial korporat 5.3Tanggungjawab alam sekitar korporat Pembelajaran Berasaskan Projek	<ul style="list-style-type: none"> • Memahami konsep etika korporat. • Menjelaskan tanggungjawab sosial korporat. • Menilai tanggungjawab korporat terhadap pihak berkepentingan. • Menilai hak dan tanggungjawab pengguna. • Memahami unit sokongan pengguna. • Menilai tanggungjawab korporat kepada alam sekitar.
5.1Konsep etika korporat 5.2Tanggungjawab sosial korporat 5.3Tanggungjawab alam sekitar korporat Pembelajaran Berasaskan Projek	<ul style="list-style-type: none"> • Memahami konsep etika korporat. • Menjelaskan tanggungjawab sosial korporat. • Menilai tanggungjawab korporat terhadap pihak berkepentingan. • Menilai hak dan tanggungjawab pengguna. • Memahami unit sokongan pengguna. • Menilai tanggungjawab korporat kepada alam sekitar. 		

IV. Cadangan Pelaksanaan

(i) Cadangan Pengajaran

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan strategi berpusatkan pelajar dan guru berperanan sebagai pembimbing, contohnya, guru menggunakan kes-kes sebenar sebagai sumber rujukan kepada pelajar, guru membimbing pelajar menghubung kaitkan konsep perniagaan dan pengurusan serta aktiviti perniagaan dari beberapa segi, iaitu dari konkret ke abstrak, dari mudah ke kompleks, langkah demi langkah. Ini dapat merangsang sikap ingin tahu pelajar di mana ia membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Ini merupakan cara pengajaran yang berkesan.

Selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru harus membuat refleksi dan rumusan untuk menambahbaikan pengajaran seterusnya. Usaha ini dapat meningkatkan profesionalisme guru.

Dua persoalan asas yang perlu diambil kira tentang Rancangan Pelajaran:

1. Cara membimbing pelajar untuk belajar

Pembelajaran adalah satu proses penerokaan pengetahuan. Dipercayai bahawa setiap pelajar berkeupayaan dalam pembelajaran, jadi pengajaran Pengajian Perniagaan adalah berpusatkan pelajar di mana guru hanya sebagai pembimbing sahaja. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, peranan guru berubah daripada penyampai ilmu pengetahuan kepada pembimbing, guru tidak hanya memberi tumpuan kepada ilmu yang perlu diperolehi oleh pelajar, tetapi juga mengajarkan cara pembelajaran yang efektif. Contohnya, guru akan membimbing pelajar untuk menyusun isi kandungan, menulis

laporan untuk menggantikan pembelajaran secara hafalan. Ini dapat menyemai sikap pelajar yang bertanggungjawab dalam proses pembelajaran kendiri.

Bahasa memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran. Ia dijadikan sebagai alat untuk menarik perhatian murid dan membolehkan guru menyoloal soalan. Dalam proses pembelajaran, guru memberi maklumat yang diperlukan sahaja supaya menggalakkan pelajar dapat memikir secara proaktif mengenai isu-isu berkaitan. Selain itu, pengaplikasian aktiviti-aktiviti dalam buku teks dapat memantapkan pengetahuan, kebolehan dan kemahiran yang telah dipelajari, aktiviti-aktiviti ini merangkumi aktiviti latihan cabaran, pembelajaran berasaskan projek, perbincangan dalam kumpulan dan aktiviti main peranan.

2. Cara memilih kaedah pengajaran yang sesuai

Guru perlu memilih kaedah pengajaran yang bersesuaian bagi memastikan keberkesanannya aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Biasanya, aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak berkesan bukan disebabkan oleh ketidakmampuan guru, tetapi ialah pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak sesuai. Sebelum guru memilih kaedah pengajaran yang sesuai, guru perlu mempertimbangkan pelbagai faktor. Contoh kaedah pengajaran seperti pengajaran fakta, soal-jawab, perbincangan dalam kumpulan, lawatan sambil belajar, main peranan, tontonan video dan lain-lain lagi.

Secara umumnya, elemen-elemen yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan kaedah pengajaran adalah seperti berikut:

- (1)Ciri-ciri kurikulum, matlamat kurikulum, objektif pembelajaran.
- (2)Kepentingan dan kesukaran terhadap kandungan.
- (3)Tahap kognitif pelajar.
- (4)Ketrampilan guru, termasuk standard profesionalisme, pengalaman, ciri-ciri personaliti.
- (5)Bahan bantu pembelajaran yang sedia ada.
- (6)Waktu Mengajar

Cadangan peruntukan waktu bagi Pengajaran dan Pembelajaran untuk setiap bab

Pengajian Perniagaan merupakan subjek wajib bagi pelajar aliran perdagangan di Sekolah Menengah Persendirian Cina. Dalam tiga tahun pengajaran dan pembelajaran, buku-buku teks ini dibahagikan kepada tiga buah buku dengan jumlah 22 bab untuk Menengah Atas 1, Menengah Atas 2 dan Menengah Atas 3.

Peruntukan waktu mengajar yang dicadangkan adalah dua waktu dalam seminggu, jumlah masa untuk setiap waktu ialah empat puluh minit.

Tahun Persekolahan	Tajuk	Peruntukan Waktu
Menengah Atas 1	Pengenalan kepada Perdagangan	5
	Pengeluaran	6+3 (pembelajaran berasaskan projek)
	Saluran Agihan – Perniagaan Borong	4
	Saluran Agihan – Perniagaan Runcit	8+4 (pembelajaran berasaskan projek)
	Dokumen Perniagaan Dalam Negeri	6
	Cara Pembayaran Dalam Negeri	6
	Pergudangan	4
	Pengangkutan	6
	Komunikasi	5+4(pembelajaran berasaskan projek)
Menengah Atas 2	Pengiklanan	6
	Insurans	7+4(pembelajaran berasaskan projek)
	Perbankan dan Kewangan	5
	Pemilikan Perniagaan	8
	Industri Kecil dan Sederhana	6
	Pengurusan Sumber Manusia	6+4(pembelajaran berasaskan projek)
	Pengurusan Pemasaran	7
	Pengurusan Kewangan	7+4(pembelajaran berasaskan projek)
Menengah Atas 3	Pasaran Kewangan	8
	Perniagaan Antarabangsa	8
	Percukaian	7
	Pengurusan Kewangan Peribadi	5
	Etika Korporat	6+4(pembelajaran berasaskan projek)

(ii) Cadangan Penilaian

Penilaian Pengajian Perniagaan mesti memenuhi pencapaian matlamat kurikulum dan objektif pembelajaran. Pelajar mempunyai pelbagai kecerdasan. Oleh itu, pelbagai kaedah penilaian perlu diwujudkan supaya dapat menilai pencapaian pelajar dari segi kognitif, kemahiran dan afektif. Kaedah-kaedah yang sesuai termasuklah penilaian secara ujian bertulis, laporan projek dan lain-lain lagi. Penilaian-penilaian ini dapat meningkatkan perkembangan pelajar secara menyeluruh dan mencapai matlamat pendidikan seimbang.

1. Peperiksaan Dalaman Sekolah

Peperiksaan dalaman sekolah adalah cara penilaian yang digunakan di sekolah. Peperiksaan dalaman bertujuan untuk memahami hasil pembelajaran pelajar dari segi kognitif, kemahiran dan afektif. Selain daripada perlaksanaan ujian bertulis, pihak sekolah dicadangkan untuk menambahkan kaedah pembelajaran berdasarkan projek. Projek ini berorientasikan penilaian dalam proses dan hasil pembelajaran. Dengan penggabungan ujian bertulis dan projek pelajar, penilaian sebegini dapat menilai aspek kognitif, kemahiran, afektif, analisis, penyelesaian masalah, inovasi, pertuturan dan lain-lain lagi.

Keputusan pembelajaran berdasarkan projek terdiri daripada dua bahagian, iaitu laporan bertulis dan laporan lisan. Projek pelajar ini diberikan markah dan dicatat sebagai sebahagian keputusan peperiksaan Pengajian Perniagaan. Ini membolehkan pelajar saling membantu dan memantau antara satu sama lain supaya projek dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna.

Guru digalakkan supaya memberi komen positif semasa menilai laporan bertulis, dan mengelakkan kritikan terhadap kekurangan atau bahagian yang perlu diperbetulkan, guru harus menunjukkan cara dan usaha yang betul. Penilaian laporan lisan boleh dijalankan dengan tanggungjawab bersama oleh guru, kumpulan sendiri atau kumpulan lain. Guru perlu memberi ulasan tentang kriteria penilaian laporan lisan kepada kumpulan.

2. Peperiksaan Terbuka

Subjek Pengajian Perniagaan adalah sebahagian daripada Sijil Peperiksaan Bersama (UEC). Ia bertujuan untuk menilai hasil pembelajaran pelajar selama tiga tahun dalam subjek Pengajian Perniagaan yang tertakluk di Sekolah Menengah Persendirian Cina. Peperiksaan ini menilai pelajar dari segi pengetahuan dan kemahiran tentang Pengajian Perniagaan. Keputusan peperiksaan ini boleh digunakan sebagai rujukan untuk melanjutkan pelajaran atau menceburi dalam bidang pekerjaan.

(iii) Cadangan Pembangunan dan Penggunaan Sumber Kurikulum

Penggunaan bahan bantu pengajaran dan pembelajaran untuk subjek Pengajian Perniagaan termasuk buku teks, kemudahan alat bantu mengajar, perpustakaan, bilik audio-visual, pusat membeli-belah, internet, guru, pelajar, ibu bapa dan ahli perniagaan.

Pendekatan berikut boleh digunakan sebagai rujukan untuk pembangunan dan penggunaan sumber kurikulum:

- (1) Laman web pengajaran dan pembelajaran SMPC, iaitu www.moodle.dongzong.my
- (2) Ibu bapa
- (3) Komuniti sekolah
- (4) Para ahli akademik, peniaga dan usahawan
- (5) Surat khabar, majalah, televisyen, radio dan internet